

SURAU 'AL-ULUM KD9

Bil. 33 (Disember, 2007M/Zulkaedah-Zulhijjah, 1428H)

Untuk Edaran Ahli Kariah Sahaja

Percuma

JAUHI RIYA'

Orang yang suka disanjung dengan amalan baiknya itu adalah satu perbuatan yang tercela. Itu dinamakan sifat riya'. Isi di dalam al-Quran dan hadis-hadis menegaskan bahawa sifat riya' itu amat dimurkai oleh Allah SWT. Adapun firman Allah SWT yang menerangkan sifat itu di antaranya seperti berikut:- Maksudnya: "Maka celakalah bagi orang-orang bersembahyang yang sentiasa lalai daripada sembahyangnya. Mereka yang mengerjakan kebaikan, minta dilihat orang" (al-Ma'un: 4-7). Rasulullah saw pula bersabda maksudnya: "Allah AzzawaJalla tidak akan menerima sesuatu amalan yang dilakukan dengan riya' meskipun riya' sekadar debu sahaja". Sabda Rasulullah saw lagi maksudnya: "Sesungguhnya serendah-rendahnya riya' itu ialah syirik".

Amat jelas sekali bahawa sifat riya' itu adalah tercela di sisi Allah SWT. Dengan itu kita perlu berusaha mengikisnya dengan mengenal punca timbulnya penyakit hati itu. Ianya terkandung dalam empat perkara iaitu:

1. Riya' melalui tubuh. Wajahnya nampak pucat, tubuhnya kurus dan jalannya sengaja menunduk saja supaya dia kelihatan seperti orang yang kuat beribadah di tengah malam atau terlalu ambil berat hal-hal agama dan terlampau takut dengan balasan Allah SWT. Jadi apabila kita menampakkan keadaan begitu tentu timbul dalam hati perasaan riya' yang mahu orang lain menyangkanya berbuat sesuatu amal kebajikan. Oleh itu tinggalkanlah perbuatan seperti itu kerana ia membajai sifat riya' dalam diri kita. Pernah Rasulullah saw bersabda maksudnya: "Jika seseorang kamu berpuasa, maka hendaklah meminyakkan kepalanya, menguruskan rambutnya dan memakai celak di matanya". Ini tiada lain untuk menghindarkan diri dari was-was syaitan dan untuk menghindarkan perasaan riya' dan menunjuk-nunjuk diri.

2. Riya' melalui pakaian. Memakai pakaian yang kasar dan pakaian sutera dan baju yang dibuat dari bulu binatang ataupun memakai baju seperti sunah nabi. Perbuatan ini semua termasuk amalan-amalan riya' untuk mempamerkan kepada orang ramai, bahawa dia adalah orang yang tekun menjalani sunah Nabi. Riya' itu boleh berlaku apabila kita berpakaian seperti orang kaya dan bangsawan. Dengan cara itu kita dianggap oleh orang ramai sebagai golongan kaya dan hartawan, sedangkan itu semua satu sandiwara, yang sebenarnya bertujuan untuk mendapat sanjungan dan pujian dari orang lain. Jadi melalui pakaian sebenarnya boleh menyuburkan sifat riya' dalam hati kita.

3. Riya' melalui ucapan. Dikatakan orang yang riya' melalui ucapan itu ialah ketika menyampaikan sesuatu tiada lain kecuali nasihat dan peringatan yang bijaksana dan penuh hikmah. Bila bercakap menerangkan hadis dan cerita-cerita soleh. Hal ini supaya menunjukkan dirinya mengambil berat hal ehwal amalan orang-orang salaf. Termasuk juga amalan riya' itu kuat bacaan zikirnya di hadapan khalayak orang ramai. Menampakkan sifat marahnya pada setiap kemungkaran dan melahirkan sifat dukacita ke atas maksiat yang dilakukan manusia. Begitu juga orang yang suka berdebat atau berbahasa yang masing-masing cuba menonjolkan kepandaian dan kebenarannya.

Selamat Hari Raya Aidil Adha

**Pengerusi dan Barisan Ahli Jawatankuasa
Surau Al Ulum KD9, ingin mengucapkan Selamat
Hari Raya Aidil Adha, kepada semua ahli kariah dan
semua umat Islam seluruhnya. Semuga kita semua
sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Illahi.**

4. Riya' melalui perbuatan. Apabila dia sujud begitu lama, serta perbanyakkan sembahyangnya apabila berada di khalayak ramai. Banyaknya bersedekah dan mahu diumumkan namanya kepada orang ramai. Apabila bersendirian dia malas mengerjakan sembahyang dan membuat kebajikan. Ini semua melambangkan tingkah lakunya itu didorong oleh sifat riya' di dalam hatinya.

Daripada huraian yang ringkas itu kita telah dapat mengenal amalan-amalan riya' yang semuanya itu adalah didorong oleh penyakit hati. Walaupun dilihat pada zahir itu adalah amal soleh tetapi diselit di dalam hati satu kecelakaan kepada tujuannya mengharapkan keduniaan dari manusia. Dia mahu disanjung, dihormati, dipuji dan dihargai setiap masa. Kalau tidak perolehi itu semua jiwanya tersiksa dan menderita.

Hakikatnya orang yang riya' dalam amalnya adalah manusia yang pura-pura di sisi Allah SWT. Segala bentuk amal kebajikannya itu semata-mata mengharapkan sanjungan manusia. Amalnya akan diperelokkan dan diperbetulkan agar di pandang kemas, indah dan betul, sedangkan itu semua tidak upaya dilakukan apabila dia bersendirian. Dia akan banyak amalnya apabila berada di khalayak ramai dan dia jadi orang yang malas beramal apabila tinggal bersendirian. Malah tidak langsung berusaha untuk melakukannya.

Setelah kita mengetahui sifat riya' ini adalah penyakit hati yang boleh merosakkan amal kita maka ajaran Islam tersebut telah memberi penawar bagaimana untuk mengubat penyakit hati itu. Penawar bagi hati yang dijangkiti riya' itu ialah dengan mengetahui bahaya dan bencana riya'. Di akhirat tiada tempat di sisi Allah SWT, malah mendapat azab siksa serta kemurkaan yang berat dan kehinaan yang nyata. Apabila kita berfikir bahawa amalan riya' itu sedikit pun tidak dapat memberi hasil di akhirat, cuma yang dapat adalah siksa sedang di dunia hanya kesenangan sementara, maka ini akan meringankan sifat riya' itu terungkuai dari dalam hati kita.

Kemudian difikir dan direnung lagi apabila faedah pujian dan sanjungan manusia kerana perkara itu akan mendatangkan kebencian di sisi Allah SWT. Cubalah tanya pada diri kita apakah faedah yang akan kita dapat apabila dipuji orang. Hanya rasa bangga seketika, itu sahaja. Kalaulah hanya sekadar itu untuk apa kita mahukan pujian orang, sedangkan perbuatan itu mudah saja menempuh azab dan siksa Allah SWT.

Selain dari itu, hendaklah kita membiasakan diri menyembunyikan segala amalan kita supaya tidak diketahui orang. Jika perlu tutup jalan yang boleh mendatangkan riya'. Dengan cara itu, hati kita akan menumpukan ke hadirat Allah SWT ketika beramal. Allah berfirman maksudnya: "Jika kamu menyatakan sedekah itu pun baik. Tetapi jika kamu merahsiakannya dan memberikannya kepada kaum fakir miskin maka itulah yang sebaik-baiknya" (al-Baqarah:271). AN

Catatan Kuliah harian Surau Al-Ulum KD9

Kuliah Maghrib Ustaz Wan Sohor Bani Leman – 17/11/2007

- Buatlah sesuatu perkara itu dan tinggalkan sesuatu perkara itu kerana Allah. Bertaqwalah pada Allah dan hendaklah kita mati sebenar-benar kerana Islam;
- Akidah sama maknanya dengan iman. Ia juga mengandungi makna Islam, tauhid, kepercayaan kepada syariat dan undang-undang Allah.
- Akidah juga adalah akal dan pemikiran mengenali Allah taala, tanpa ada perasaan was-was atau syak wasangka dengan mengenali Allah. Ia juga akan mengikat hubungan dengan Allah dan menafikan hubungan yang lain iaitu "kufur".
- Semua perkara-perkara yang asas atau perkara yang mutlak (perkara yang tidak berubah) dalam hidup kita ini semuanya telah ditentukan oleh Allah taala. Ia juga berkaitan dengan kepercayaan kepada syariat dan undang-undang Allah;
- Sebagai contoh perkara yang mutlak ialah seperti membina masjid – apabila mendirikan sebuah masjid itu ianya mestilah dibina menghadap kiblat, maka inilah yang dipanggil perkara mutlak, perkara yang tidak boleh diubah. Perkara yang boleh diubah ialah kita mengubah reka bentuknya saja yakni mengikut kesesuaian Islam.
- Biarlah dunia berubah, tetapi ugama jangan sekali kali diubah;
- Menerima hukum dan undang-undang Allah adalah satu akidah. Perkara yang halal jangan dicampurkan dengan perkara yang haram;
- Islam mengajak kita hidup dalam lingkungan pahala dan menolak lingkungan dosa, buang saja perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum Allah;
- Biarlah dunia maju dan semoden mana sekalipun, undang-undang Islam tetap tidak boleh diubah maupun dipinda. Makanan yang haram tetap haram dan jangan sekali kali menghalalkannya;
- Perkara yang menyebabkan akidah umat Islam lemah pada zaman ini kerana:-
 - Kita berfikir selain dari pemikiran Islam itu sendiri;
 - Nafsu telah melencong dari landasan landasan Islam;
 - Kita lemah dan sekadar mengikut saja dan menurut saja. Kita sudah tidak ada pendirian. (Menyerah diri pada kezaliman adalah fasikh)
- Cara berpakaian bagi perempuan muslim adalah seperti berikut:-
 - Tutup aurat - menampakkan muka dan tapak tangannya saja;
 - Kain yang tebal – tidak menampakkan kulitnya;
 - Pakaian perempuan – tidak memakai pakaian orang lelaki;
 - Longgar – tidak ketat sehingga menampakkan susuk tubuhnya;
 - Tidak menarik perhatian orang lain – tidak memakai warna yang terlalu menyerlah atau memakai pakaian yang penuh atau sarat dengan labuci hingga orang akan berpaling bila melihat sipemakai ini;



Kuliah Maghrib Ustaz Babar – 25/11/2007

- Majlis ilmu adalah satu majlis yang dilimpahi dengan rahmat Allah;
- Untuk mendapat limpahan dan keberkatan serta kelebihan di rumah Allah seseorang itu hendaklah mempelajari ayat-ayat Allah, yakni dengan mempelajari al-quran;
- Al-quran yang akan membawa kita ke syurga kerana al-quran akan menjadi saksi kepada perbuatan kita terhadapnya;
- Al-quran juga boleh mengheret kita ke neraka jika kita tidak mengamalkan atau mempraktikkan apa saja suruhan yang diperintah Allah di dalam al-quran;
- Maknanya selain membaca ayat-ayat suci al-quran, kita hendaklah juga mengamalkan dan menurut segala suruhan suruhan dan perintah-perintah Allah yang terkandung didalamnya;
- Rahmat yang Allah beri kepada umatnya yang selalu menghadirkan dirinya ke rumah – rumah Allah ialah:-
 - Sakinah – Ketenangan yang Allah cipta. Allah menganugerahkan ketenangan akhlah. Akhlah ini bermaksud akal yang dapat membezakan antara perkara-perkara yang baik dengan perkara-perkara yang jahat.
 - Kita akan sentiasa dihujani dengan rahmat Allah. Rahmat Allah ini adalah satu "tiket" untuk kita ke syurga kelak. Nak dapat rahmat Allah kita kena beramal soleh;
 - Kita dikelilingi oleh para malaikat. Ramai para malaikat yang akan mengelilingi sambil mendoakan kita;
 - Orang yang melapangkan masa atau meluangkan masanya untuk mendengar dan mempelajari serta menghadirkan diri ke majlis-majlis ilmu, namanya akan disebut-sebut disisi Allah diakhirat kelak; Orang yang keluar dari rumahnya untuk menghadirkan diri untuk majlis-majlis ilmu maka keluarnya itu adalah keluar menuju kearah jalan Allah, sementara orang yang mati semasa mempelajari ilmu-ilmu Allah ini, maka matinya adalah mati shahid;
- Sahabat yang baik adalah apabila dia berdoa, dia akan mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan diri kita sekali.

Kuliah Maghrib Ustaz Ramadan – 26/11/2007

- Dari Abdullah ibnu Abbas – Suatu hari Abdullah berada dibelakang Nabi Muhammad s.a.w, yakni ketika menaiki unta, dimana Abdullah ketika itu masih kanak-kanak lagi, Nabi berkata pada Abdullah "jagalah Allah" yang bermaksud peliharalah sempadan sempadan yang Allah perintahkan yakni peliharalah yang halal dan jauhkan yang haram, tak kiralah samada ketika kamu bersendirian ataupun berkumpul;
- Kita hendaklah menjaga hak-hak Allah ketika kaya dan miskin dan sekiranya kita ada sebarang permintaan atau pertolongan maupun permohonan maka mohonlah kepada Allah;
- Jika menjaga hak-hak Allah nescaya Allah akan turut menjaga hak-hak kita.
- Agama yang mulia ini akan hancur apabila diserahkan kepada 3 golongan ini:-
- Golongan yang menghalalkan perkara-perkara yang haram dan mengharamkan perkara-perkara yang halal; contohnya seperti muzik ataupun hiburan dimana pengharamannya bukan terletak pada alat-alat muzik itu tetapi bagaimana alat-alat muzik itu digunakan. Muzik hukumnya harus pada asalnya tetapi ianya akan menjadi haram apabila bermain alat-alat muzik sehingga meleakakan dan melalaikan kita pada Allah. Ianya ditambah jika ada percampuran diantara kaum lelaki dan perempuan dalam sesuatu acara yang melibatkan alat muzik tersebut sehingga menyebabkan ada unsur-unsur kemaksiatan;
- Golongan yang menyelewengkan riwayat-riwayat dan fakta. Mereka ini membawa riwayat-riwayat palsu dan dongeng sehingga berlakunya penceramahan pemikiran umat umat Islam;
- Golongan yang mentafsirkan sesuatu adalah golongan yang jahil. Mereka ini mentafsirkan agama tanpa ilmu yakni tanpa merujuk kepada kitab-kitab, hadis-hadis dan sebagainya. Kita membenarkan sesiapa saja mentafsirkan al-quran dan sunnah mengikut selera masing-masing;

Kuliah Maghrib Ustaz Fazli – 12/11/2007

- Hukum membaca "Bismillahhirrahmannirahim"
 - Wajib – Apabila bersolat yakni ketika membaca Al-Fatihah. Setiap solat itu diwajibkan membaca Al-Fatihah, jika tidak membacanya maka tidak sah solatnya. Ketika kita membaca ayat lazim didalam solat, hukumnya sunnat malah jika dimulakan dengan "Bismillahhirrahmannirahim" maka hukumnya sunnat juga.
 - Sunnat – Apabila kita membuat perkerjaan yang bertumpukan syarak yakni sunat membaca "Bismillahhirrahmannirahim" apabila hendak melakukan perkara-perkara yang baik;
 - Makruh – Apabila kita membuat perkerjaan yang makruh hukumnya, contohnya seperti mencabut uban. Jadi sebelum kita mencabut uban dikepala kita jika kita membaca "Bismillahhirrahmannirahim" maka hukumnya makruh;
 - Haram – Apabila kita membuat perkerjaan yang haram hukumnya, contohnya minum arak yang mana hukumnya haram, maka jika sebelum minum arak lalu dibaca "Bismillahhirrahmannirahim" maka hukumnya turut menjadi haram;
 - Harus – Apabila kita melakukan perkara yang harus hukumnya, contohnya mandi / mandi / minum dsbnya maka diharuskan membaca "Bismillahhirrahmannirahim" sebelum melakukan perkara tersebut;
- Baligh maksudnya dah sampai had taklif yang dibebankan dengan hukum. Tanda-tanda baligh
 - Sempurna umurnya 15 tahun bagi lelaki dan perempuan. Selepas 15 tahun umurnya, jika timbul tanda atau tidak, sudah boleh diklasifikasikan sebagai sudah baligh dengan syarat lengkap umurnya 15 tahun yakni dari segi tarikh dan masa seseorang itu dilahirkan;
 - Mimpi keluar air mani bagi lelaki dan perempuan ketika berumur seawal 9 tahun (\pm 15 hari)
 - Datang haid bagi perempuan, seawal umur 9 tahun.; "Darah Fasad" ini keluar sebelum datang darah haid, maknanya darah keluar sebelum umurnya 9 tahun manakala "Darah Istihadah" ini keluar selepas datang darah haid, maknanya darah keluar selepas 15 hari.
 - Darah Haid adalah darah semulajadi yang keluar dari rahim perempuan, yang mana keluarnya darah haid ini ketika badannya sihat walafiat;
- Syarat / Fardhu Wuduk
 - Niat (dalam hati) ketika nak mengambil wuduk yakni ketika membasuh muka. Ketika berniat jangan mentaklikkannya serta jangan menafikannya iaitu jangan was-was.
 - Niat nya ringkas untuk orang yang normal – "sengajaku berwuduk"
 - Niat bagi orang yang abnormal yakni orang yang tak tos kencingnya dan kentutnya – "sengajaku berwuduk untuk membolehkan solat";
 - Basuh Muka – bermula dari tempat tumbuh rambut dikepala hingga ketepi anak telinga serta ke rahang rahang muka;
 - Note : Bagi lelaki, cukup sekadar melalukan air pada jambang dan janggutnya. Bagi perempuan, tidak sah wuduknya jika dia melalukan air pada jambang dan janggut yang tumbuh pada mukanya kerana jarang bagi kaum perempuan berjanggut dan berjambang;
 - Basuh tangan – lebih afdal bermula dari siku hingga ke hujung jari.
 - Note : Bagi tangan atau kaki yang ada luka, hendaklah dilalukan air ke kawasan luka tersebut selagi ianya tidak meyakitkan atau memudaratkan; Jika kawasan luka itu berplaster, hendaklah dibuka plaster tersebut untuk laluan air wuduk tersebut, tetapi jika dengan membuka plaster tersebut akan memudaratkan apabila dilalukan air wuduk maka kita dibolehkan bertayamum

Catatan diambil mengikut kefahaman pencatat : Norhanizah Mohamad

.....continued from last issue

Introduction to Hajj

THE HAJJ

In commemoration of the trials of Abraham and his family in Makkah, which included Abraham's willingness to sacrifice his son in response to God's command, Muslims make a pilgrimage to the sacred city at least once in their lifetime. The Hajj is one of the "five pillars" of Islam, and thus an essential part of Muslims' faith and practice.

Muslims from all over the world, including the United States, travel to Makkah (in modern-day Saudi Arabia). Before arriving in the holy city, Muslims enter a state of consecration (dedication) known as ihram, by removing their worldly clothes and donning the humble attire of pilgrims—two seamless white sheets for men, and simple white dresses and scarves for women. The white garments are symbolic of human equality and unity before God, since all the pilgrims are dressed similarly. Money and status no longer are a factor for the pilgrims - the equality of each person in the eyes of God becomes paramount.

Upon arriving in Makkah, pilgrims perform the initial tawaf, which is a circular, counter-clockwise procession around the Ka'bah. All the while, they state "Labbayka Allahumma Labbayk," which means "Here I am at your service, O God, Here I am!" The tawaf is meant to awaken each Muslim's consciousness that God is the center of their reality and the source of all meaning in life, and that each person's higher self-identity derives from being part of the community of Muslim believers, known as the ummah. Pilgrims also perform the sa'i, which is hurrying seven times between the small hills named Safa and Marwah, reenacting the Biblical and Quranic story of Hajar's desperate search for life-giving water and food.

Next, on the first official day of Hajj (8th of Dhul-Hijjah), the two million pilgrims travel a few miles to the plain of Mina and camp there. From Mina, pilgrims travel the following morning to the plain of Arafat where they spend the entire day in earnest supplication and devotion. That evening, the pilgrims move and camp at Muzdalifa, which is a site between Mina and Arafat. Muslims stay overnight and offer various prayers there.

Then the pilgrims return to Mina on the 10th, and throw seven pebbles at a stone pillar that represents the devil. This symbolizes Abraham's throwing stones at Satan when he tried to dissuade Abraham from sacrificing his son. Then the pilgrims sacrifice a sheep, reenacting the story of Abraham, who, in place of his son, sacrificed a sheep that God had provided as a substitute. The meat from the slaughtered sheep is distributed for consumption to family, friends, and poor and needy people in the community. After the sacrifice, the pilgrims return to Makkah to end the formal rites of Hajj by performing a final tawaf and sa'i.

Muslims believe the rites of the Hajj were designed by God and taught through prophet Muhammad. Muslims believe that since the time of Adam, there have been thousands of prophets, including such well-known figures as Noah, Abraham, Moses, Jesus, and David, and that Muhammad was the final prophet of God. The Hajj is designed to develop God consciousness and a sense of spiritual upliftment. It is also believed to be an opportunity to seek forgiveness of sins accumulated throughout life. *Prophet Muhammad had said that a person who performs Hajj properly "will return as a newly born baby [free of all sins]."* The pilgrimage also enables Muslims from all around the world, of different colors, languages, races, and ethnicities, to come together in a spirit of universal brotherhood and sisterhood to worship the One God together.

Eid Id-UI-Adha

Although only the pilgrims in Makkah can participate in the Hajj fully, all the other Muslims in the world join with them by celebrating the Eid ul Adha [eid ul ud-ha], or Festival of Sacrifice. On the 10th of Dhul-Hijjah, Muslims around the world wear their nicest clothing and attend a special prayer gathering in the morning. This is followed by a short sermon, after which everyone stands up to hug and greet one another. The traditional Eid greeting is "Eid Mubarak," which means "Holiday Blessings." Next, people visit each other's homes and partake in festive meals with special dishes, beverages, and desserts. Children receive gifts and sweets on this joyous occasion.

In addition, like the pilgrims in Makkah, those Muslims who can afford to do so offer domestic animals, usually sheep, as a symbol of Abraham's sacrifice. The meat is distributed for consumption to family, friends, and to the poor and needy.

The Eid ul-Adha is a major religious event in the lives of Muslims. Usually, communities celebrate this occasion over a period of several days.

VOCABULARY LIST

Ramadan - the 9th month of the Islamic lunar calendar, during which Muslims fast from dawn to sunset.

Eid ul-Fitr - Festival at the end of Ramadan, in celebration of ending the month of fasting.

Dhul-Hijjah - the 12th month of the Islamic lunar calendar, during which the Hajj takes place, from the 8th through 13th.

Eid ul-Adha - Festival that takes place during the Hajj, on the 10th of Dhul Hijjah, in commemoration of the sacrifices of Abraham and his family.

Abraham - a prophet and righteous person revered by Muslims, Jews, and Christians alike as the patriarch (father figure) of monotheism.

Hajar - one of Abraham's wives, who, along with her infant son Ishma'il, was settled in Arabia by Abraham.

Ishma'il - the son of Abraham, who helped Abraham build the Ka'bah when he was thirteen years old.

Arafat - a place where pilgrims travel to as part of the Hajj. They offer prayers throughout the day.

Makkah (Mecca) - the sacred city of Muslims, in modern-day Saudi Arabia, where the Ka'bah is located.

Mina - a place where pilgrims camp, located on the outskirts of Makkah. Muzdalifa - a place where pilgrims stay overnight and pray during the Hajj. Safa and Marwah - two hills near the Ka'bah.

Haji - the annual pilgrimage (spiritual journey) to Makkah, performed by two million Muslims every year.

Ihram - a state of consecration (dedication) in which Muslims remove their worldly clothing and don the simple, white attire of pilgrims. This symbolizes a state of purity and human equality. Ka'bah - an empty cube-shaped structure built as a house of worship by Abraham and Ishma'il, for the worship of Allah "*Labbayka Allakumma Labbayk*" - a statement which pilgrims call out while performing the Hajj, which means "Here I am at your service, O God, Here I am!"

Sa'i - one of the rites of the Hajj, in which pilgrims hurry between two hills, Safa and Marwah, reenacting Hajar's desperate search for food and water.

Tawaf - one of the rites of the Hajj, in which pilgrims move in a circular, counter-clockwise procession around the Ka'bah.

Ummah - the entire Muslim community around the world, which comprises over one billion people of every race, color, and ethnicity.

"Eid Mubarak" - a greeting used by Muslims during the Eid holidays. It means "Holiday Blessings!"

Monotheism - belief in One God.

Polytheism - belief in many gods.

Qur'an (Koran) - the holy book of Muslims

PAY YOURSELF FIRST ...

There is a simple way to overcome the problem of not being able to save money. The simplest, most effective and in fact the best way to overcome this problem is to adopt the 'pay yourself first' strategy.

What you do is treat yourself as a bill that must be paid, just like any other bills such as loans, utility bills, and credit cards. If you take time and trouble to set aside money every month to pay those bills, then you should also set aside money to pay yourself as well. And think about it: which one is more important? Are the banks, utility giants and credit card company more important than your own life?

*So starts setting aside ten percent of your salary as your saving. Once you see it growing, you get pretty excited and want to do more of the same. Once you saw the **paying yourself first strategy** was working well, you continue to increase the amount. To make the growth more spectacular.*

Incidentally, the money that we have saved stays in. We're like the bear trap. Once the money gets into trap, it stays in. We want it to stay in, work hard for us and make us wealthier. It has now become our employee, only better. It works hard for us twenty-four hours a day, seven day a week. It does not require breaks, does not get sick and does not take vacations. The money, in effect, is our slave and we are the master.

Folks, it's true when they say that the money is a poor master but an excellent servant. But for it to become your servant, you have to prove yourself worthy to be the master. And the best way to do that is to pay yourself first. This like telling the money, "Look here, boy. I am your master and you are the servant. You will serve me and do everything I say. When I say jump, you take the trampoline and ask how high? And now I say, pay me first." And strangely enough, the money will obey.

If you put every body else first, you have now become the slave and the money is your master. And as mentioned earlier, money is a mean, ferocious master. Pretty soon, the money will decide what you can do, where you can go, what you can eat, where your children will study and tragically, maybe even how long you will live.

So pay yourself first and start learning to be a master.

Azizi Ali



Petikan Al-Quran

"Sekali-kali janganlah orang-orang yang kikir dengan harta yang Allah berikan kepada mereka dari kurniaNya menjangka bahawa kekikiran itu baik bagi mereka. Harta yang mereka kikirkan itu akan dikalungkan kelak di lehernya di hari kiamat."
Maksud surah al-Imran, ayat 180.



BERITA RINGKAS SINAR AL-ULUM KD9



SOLAT SUNAT EIDUL ADHA DI AL-ULUM – Buat pertama kalinya, Solat Sunat Edul Adha akan dijalankan di Surau Al-Ulum KD9 pada tahun ini. Solat akan dilakukan pada Jam 08.30 pagi, KHAMIS 10 Zulhijjah, 1428H bersamaan 20 Disember, 2007. Semua muslimin/muslimat dijemput hadir. Satu jamuan ringan akan diadakan selepas solat tersebut. Ahli-ahli kariah digalakan membawa sedikit juadah untuk tujuan tersebut.

MAJLIS QURBAN / AQIOAH bagi tahun 1428H/2007M akan dijalankan pada **SABTU 22/12/2007** di Surau kita mulai jam 9.00 pagi. Semua Muslimin dan Muslimat Perjiranan Rimba Riang KD9 dan yang berhampiran serta anggota keluarga dijemput menyertai gotong-royong ibadah Qurban/Aqiqah ini. Untuk keterangan lanjut mengenai majlis tersebut sila hubungi Jawatan-kuasa berikut:

1. Dato' Hj. Jaafar Kamin (016-3015463) – No. 1 Rimba Riang 9/4
2. Sdr. Mohd Hasni Hashim (012-3086014) – No. 21 Rimba Riang 9/4
3. Sdr. Adnan Abdullah (019-2409378) – No. 22 Rimba Riang 9/2
4. Sdr. Zainal Abd Razak (012-2138578) – No. 24 Rimba Riang 9/3A

SURVIVOR CAMP 2007 – Surau Al-Ulum dengan kerjasama Open Mind Training & Services akan mengadakan kem ini mulai 14 – 16 Disember, 2007 di Surau kita. Antara pengisiannya adalah Survival life, Koreksi Diri, Kenali Diri, Games dan sebagainya. Ianya terbuka kepada remaja berumur 10-13 tahun sekitar Kota Damansara. Yuran pelaburan RM100 dikenakan meliputi makan minum, penginapan, insuran, nota, bayaran facilitators, sijil dan cenderahati. Untuk keterangan lanjut dan penyertaan sila hubungi Tengku Maaidah (012-93463630), Mohd Husni (017-6932907) atau Ahmad Zukhairi (012-2240526)

PERTANDINGAN GOLF PERSAHABATAN AL-ULUM KD9 – Surau Al-Ulum KD9 telah mengadakan pertandingan tersebut di Kelab Golf Seri Selangor pada 4 Disember, 2007 yang lalu. Pertandingan ini merupakan salah satu program riadah bertujuan mengeratkan lagi silaturrahim dikalangan ahli kariah Surau Al-Ulum KD9 disamping memungut dana bagi tabung surau.

BADAN KHAIRAT KEMATIAN AS-SAHABAH (BKAS) – Kepada semua ahli BKAS diingatkan agar menjelaskan yuran tahunan RM20 kepada badan tersebut. Yuran boleh dibayar terus kepada Bendahari BKAS di Surau As-Sahabah atau disalurkan melalui Tn Hj Mohd Ali Mungai (wakil BKAS di Al-Ulum KD9). Kepada yang belum menjadi ahli dan berminat, sila dapatkan borang yang disediakan di Surau Al-Ulum KD9

PESANAN

Kami dengan rendah diri memohon kerjasama sdr/sdri, sekalian agar menyimpan Buletin ini ditempat yang sesuai demi menjaga kesucian Agama Islam dan keberkatan ilmu yang disampaikan

– Biro Penerbitan & Penerangan

Renungan

Allah swt sebagai Rabb yang mencipta agama Islam tidak pernah mengajar kita bahawa di dalam deenul Islam yang dibawa oleh RasulNya ini ada yang dinamakan Islam Moderat (Sederhana), Islam Ekstrem, Islam Radikal dan sebagainya. Yang ada hanyalah Islam sahaja. Label-label keji tersebut hanyalah ciptaan musuh-musuh Islam khususnya

Barat yang senantiasa membenci Islam dan tidak mahu melihat agama Allah ini dilaksanakan secara kaffah. Sesungguhnya mereka teramat benci dan takut akan terlaksananya hukum-hukum Islam yang sebenar sebagaimana yang telah terlaksana pada zaman Rasulullah dan Khulafa' Rasyidin. Justeru, mereka siang-siang lagi telah melabelkan

Islam sebagai ekstrem dan ganas dan hukum yang paling 'ganas' yang dilabelkan oleh mereka adalah jihad, kemudian diikuti dengan hukum-hukum yang lain. Justeru, kafir Barat telah mengajar 'Islam' kepada kita semua bahawa 'Islam' itu mestilah sederhana dan tidak boleh ekstrem. Maka 'ajaran Islam' yang dibawa oleh Barat ini telah diterima dengan sepenuh hati oleh pemerintah muslim sekular yang ada, lalu menjadilah mereka muslim atau pemerintah Islam yang sederhana (moderat), sesuai dengan kehendak Barat.

Wallahua'lam.

4

Renungan

"Janganlah engkau mengenali kebenaran itu kerana orangnya, tetapi kenelilah kebenaran itu, nescaya engkau kenal ahlinya."
Sayyidina 'Ali bin Abi Talib Karamallahiwajjah

Peliharalah dan perhatikanlah hati, supaya anda tetap muda selamanya. Dari wajah anda akan terpancar cahaya sehingga membuatnya selalu cemerlang.

Jadual Aktiviti / Pengajian Di Surau Al-Ulum KD9, Kota Damansara

Tarikh	Pengajar	Tajuk
01/12 (Sabtu)	Ust Azizan Abdul Rahman	Umum
02/12 (Ahad)	Ust Mohamad Nizam	Umum
03/12 (Isnin)	Ust Hamzah (Pelangi Square)	Tauhid
04/12 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
05/12 (Rabu)	Ust Kamal Mahadi (Kem Pelajaran)	Tafsir
06/12 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL/TAFSIR	
07/12 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Fegah
08/12 (Sabtu)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah
09/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
10/12 (Isnin)	Ust. Mohd Irwan Fateha	Fegah
11/12 (Selasa)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Al-Jauhar
12/12 (Rabu)	Ust. Osman	Kisah Al-Quran
13/12 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL/tAFSIR	
14/12 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
15/12 (Sabtu)	Ust Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah
16/12 (Ahad)	Ust. Muhadir Joll (UIA)	Tasauf
17/12 (Isnin)	Ust. Hamzah (Pelangi Squara)	Tauhid
18/12 (Selasa)	Ust. Hamim Semaon (Rawang)	Ulumul Quran
19/12 (Rabu)	Ust. Kamal Mahadi (Kem. Penlajaran)	Tafsir/Takbir
20/12 (Khamis)	YAASIN / TAHLIL/TAFSIR	
21/12 (Jumaat)	Ust. Azizi Mat Daud	Fegah
22/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Fauza Ali	Umum
23/12 (Ahad)	Ust. Mohamad Meefat (JAWI)	Umum
24/12 (Isnin)	Ust. Ramadan (UIA)	Umum
25/12 (Selasa)	Ust. Mazlan Khamis	Hadith Qudsi
26/12 (Rabu)	Ust. Osman	Kisah al-Quran
27/12 (Khamis)	Ust. Abdullah Osman Iraqi	Hadith
28/12 (Jumaat)	Ust. Khairuzaman (Rawang)	Tauhid
29/12 (Sabtu)	Ust. Jemputan	Umum
30/12 (Ahad)	Ust. Nik Bakri Nik Mat	Umum
31/12 (Isnin)	Ust. Fadzil (Kg Baru KL)	Umum

Kuliah Khas HELWA

Setiap Rabu 8.30 pg Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab Tafsir
Setiap Khamis 8.30 pg Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab Sirah Rasul saw

Kuliah Suboh

01/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Amin Al Buntari	Al-Jauhar
02/12 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Sirah
08/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Nazri Din Mat	Umum
09/12 (Ahad)	Ust. Mohd Khairi (Subang)	Umum
11/12 (Selasa)	Ust. Mohd Irwan Fatiha	Fegah/Umum
22/12 (Sabtu)	Ust. Babar (Perak0)	Umum
23/12 (Ahad)	Ust. Ahmad Lutfi Abd Wahab	Hadith
29/12 (Sabtu)	Ust. Mohd Nazri Din	Umum
30/12 (Ahad)	Ust. Mohd Nizam	Umum

PERHATIAN : Jadual di atas tertakluk kepada perubahan, sila semak di Papan Notis surau untuk jadual terkini.

Bersama-samalah kita hadir di dalam majlis ilmu yang telah diaturkan, mudah-mudahan ianya dapat mengelakkan dari bertambahnya 'topok-topok hitam' dalam hati kita